

20/02/2000

SUPP sokong kenyataan Dr Mahathir

MIRI: Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) menyambut baik keputusan pucuk pimpinan Umno untuk tidak mengembangkan sayapnya ke Sarawak dan sekali gus berharap isu itu tidak dibangkitkan semula.

Setiausaha Organisasinya, Datuk Peter Chin Fah Kui, berkata keputusan yang diumumkan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, sudah jelas menyatakan kedudukan sebenar mengenai perkara itu.

Beliau menyifatkan tindakan bekas Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Datuk Abang Abu Bakar Mustapha sebelum ini, sebagai melulu dan hanya untuk kepentingan diri sendiri.

Malah katanya, keputusan pucuk pimpinan Umno itu juga sekali gus mengiktiraf kestabilan politik dan persefahaman yang wujud antara komponen BN di Sarawak.

"SUPP amat menghormati keputusan yang diumumkan Perdana Menteri itu," katanya ketika ditemui selepas menghadiri sambutan Tahun Baru Cina di Bakam, dekat sini, kelmarin.

(END)